

## **BAB EMPAT**

### **MELEBARKAN REFORMASI PASARAN DI BANDAR: KEJAYAAN DAN KEBUNTUAN**

#### **4.1. Pendahuluan**

Setakat akhir 1984, Dasar Reformasi dan Pembukaan masih dikelaskan sebagai fasa yang pertama sahaja. Pembahagian masa yang sebegini adalah kerana sejak akhir 1978 lagi hingga akhir 1984, tumpuan dasar tersebut masih dipusatkan di kawasan kampung pertanian dan Zon-zon Ekonomi Istimewa sahaja. Pada masa itu, kawasan bandar yang diletakkan sebagai tumpuan reformasi dalam Resolusi Mesyuarat Jawatankuasa Parti Pusat Kesebelas Sesi Ketiga (Mesyuarat Sesi Ketiga) masih belum mengadakan apa-apa reformasi yang sebenar.

Bab ini cuba mengalihkan tumpuan dari kampung-kampung pertanian dan Zon-zon Ekonomi Istimewa ke kawasan-kawasan bandar di China. Mulai pada Oktober 1984, kerajaan PKC mengumumkan perluaskan Dasar Reformasi dan Pembukaan ke kawasan-kawasan bandar. Pengumuman tersebut bukan sahaja menunjukkan Deng telah berhasrat menghentikan Dasar Penyelarasan Ekonomi, malah juga menampakkan kesungguhan beliau untuk menyambung cita-cita besarnya yang mahu mengadakan Dasar Reformasi dan Pembukaan di seluruh China.

Bagaimanapun, bab ini cuma akan membincangkan usaha perluasan reformasi Deng ini dalam tahun pertama tempoh perlaksanaannya sahaja. Terdapat dua aspek utama yang akan disentuh iaitu bermulanya perluasan Dasar Reformasi dan Pembukaan di kawasan bandar dan soal perbezaan pendapat antara Deng dan pengganti rasminya. Kedua-dua aspek ini penting untuk diungkitkan kerana memang ada makna

signifikasinya sebelum meneruskan tinjauan reformasi Deng yang kemudiannya. Dalam aspek yang pertama, kajian yang dibuat dalam bab ini akan cuba memaparkan sejauhmanakah reformasi yang akan dilakukan oleh Deng untuk mengotai janji-janji yang beliau bayangkan dalam Resolusi Mesyuarat Sesi Ketiga. Apakan idea-idea yang akan dikemukakan oleh beliau untuk membulatkan reformasi tersebut? Sememangnya jika mengadakan reformasi di kawasan bandar, kerumitan yang dihadapi jauh lebih besar daripada di kawasan kampung pertanian. Deng perlu ada idea-idea yang berbeza dan juga mendapatkan bantuan pakar-pakar yang profesional. Manakala aspek yang kedua pula akan cuba mengukur kesungguhan beliau untuk meneruskan Dasar Reformasi dan Pembukaan pada masa yang akan datang. Usaha pemupukan pemimpin pengganti rasmi beliau ialah salah satu strategi yang penting untuk menjamin Dasar Reformasi dan Pembukaan dapat diteruskan pada masa kelak. Namun pada pertengahan tahun 1980-an Deng telah menurunkan pemimpin pengganti rasmi beliau Hu Yaobang daripada jawatan-jawatan penting PKC. Tindakan beliau ini adakah semata-semata kerana berselisih pendapat dengan Hu atau benar-benar untuk melicinkan lagi usaha reformasi beliau? Maka kajian dalam bab ini akan cuba mencari jawapannya.

#### **4.2. Persediaan Untuk Reformasi Pasaran di Bandar**

Seperti yang ditegaskan pada bab tiga, kejayaan reformasi yang cemerlang di kampung pertanian bukanlah tujuan asal Deng. Setakat 1984, dasar reformasi pasaran telah mengakibatkan kampung-kampung pertanian di kebanyakan tempat mengamalkan pertanian persendirian secara meluas, menurut satu kajian statistik, pada akhir 1984,

terdapat 99% kampung pertanian mengamalkannya.<sup>181</sup> Sistem pertanian ini telah membolehkan China pada 1984 muncul sebagai negara eksport kapas dan 1985 negara eksport makanan ruji.<sup>182</sup> Komun rakyat pula dihadkan peranannya menurut apa yang termaktub dalam perlembagaan baru, terdapat 14,634 buah komun rakyat telah diarahkan untuk menyerahkan kuasa pentadbiran kawasan kepada kerajaan-kerajaan tempatan pelbagai peringkat yang didirikan semula.<sup>183</sup> Industri kawasan luar bandar berkembang pesat dengan jumlah pengeluarannya kekal pada kadar pertumbuhan sebanyak 21% antara 1978 sehingga 1985,<sup>184</sup> pada masa yang sama industri pengangkutan dan perkhidmatan juga dibangunkan.<sup>185</sup> Akan tetapi sumbangannya terhadap ekonomi negara hanya terhad di tahap ini sahaja. Kuasa jana ekonomi negara yang sebenar adalah di kawasan bandar. Di sanalah terletaknya pusat perniagaan, kewangan, industri-industri kepelbagaian dan pembikinan dasar yang tertinggi.

Pada masa itu, dasar penyelarasan ekonomi yang dicadangkan oleh Chen Yun telah dilaksanakan hampir enam tahun. Dalam masa ini, kerajaan PKC telah berjaya memperolehi beberapa pertumbuhan yang sihat. Misalnya pengeluaran petroleum negara telah bertambah dan dijangkakan dapat memenuhi keperluan yang lebih banyak pada masa depan, peningkatan gaji pekerja telah statik dalam tiga tahun 1980-an awal tetapi jumlah penawaran barang penggunaan meningkat, harga barang agak stabil, kadar pengangguran telah merosot kepada 2.3% pada akhir 1983, peningkatan perdagangan

---

<sup>181</sup> Justin Lin Yifu, "Rural Reforms and Agricultural Growth in China," *American Economic Review*, (Mac, 1982), no. 1, ms. 38.

<sup>182</sup> Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai, 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara, 1949-1997), ms. 739.

<sup>183</sup> Ibid.

<sup>184</sup> Barry Naughton, *Growing Out of the Plan: Chinese Economic Reform 1978-1993* (Cambridge: Cambridge University Press, 1995), ms. 148.

<sup>185</sup> Xiao Donglian, *Jueqi yu Paihuai: Shinian Nongcun de Hulgu yu Qianzhan* (Kebangkitan dan Kebuntuan: Pengimbasan Balik Sepuluh Tahun Perkembangan Kampung Pertanian di China dan Masa Depannya), ms. 107.

antarabangsa mengakibatkan rezab antarabangsa bertambah daripada 4 billion dollar kepada 14 billion dollar dalam dua tahun 1982 dan 1983 sahaja.<sup>186</sup> Jelas sekali, kerajaan Deng telah mendapat kejayaan yang memuaskan melalui period pertama dasar reformasi pasaran. Oleh itu sejak 1982 lagi, Deng dan penyokong-penyokongnya telah menetapkan matlamat melipat-gandakan pendapatan negara pada pengakhiran abad ke-20 melalui Kongres PKC keduabelas.<sup>187</sup>

Pencapaian matlamat ini memerlukan satu dasar reformasi yang lebih agresif. Oleh yang demikian, dasar penyelarasan ekonomi tidak boleh diteruskan untuk selamanya. Namun dalam jangkamasa ini juga memperlihatkan keimbangan Deng terhadap kesan-kesan negatif yang muncul akibat daripada pelaksanaan dasar reformasi pasaran. Beliau mendapati sikap materialistik mula bangkit semula dan merebak di setiap pelosok masyarakat. Gejala keruntuhan akhlak dan mendewa-dewakan cara hidup negara barat merupakan kesan daripadanya.<sup>188</sup> Ia amat berbeza dengan suasana yang pernah dialami oleh beliau pada masa awal 1950-an. Keunikan masyarakat pada masa itu pernah dilakarkan oleh seorang pemerhati luar negara seperti di bawah,

Ketika itu, sebuah negara baru yang muncul dengan nafas yang sihat di mana semua aktiviti yang bertentangan dengan nilai moral masyarakat yang telah berakar umbi di masyarakat selama beribu tahun lagi telah dihapuskan. Perjudian, pelacuran, kes-kes jenayah dan sebagainya telah hilang dari kaca mata setiap penduduk China.<sup>189</sup>

<sup>186</sup> Barry Naughton, *Growing Out of the Plan: Chinese Economic Reform 1978-1993*, ms. 175.

<sup>187</sup> Jangkaan resolusi ini pernah disangkal oleh seorang pakar kajian China Semasa di Hong Kong yang bernama Lu Fanzhi. Menurut beliau, jangkaan tersebut bermakna pada akhir abad 20, pendapatan perkapita rakyat China hanya akan mempunyai 800 dolar, tetapi pada masa 1982 pendapatan perkapita rakyat Soviet Union pun sudah mencapai 2000 dolar. Maksudnya pada masa itu China masih belum boleh dikelaskan sebagai negara Sosialis yang berjaya. Lu Fanzhi, *Zhongguo Jingji: Galge yu Tiaozheng* (Ekonomi China: Reformasi dan Penyelaras), ms. 11.

<sup>188</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 36-48.

<sup>189</sup> Martin King Whyte dan William L Parish, *Urban Life in Contemporary China* (Chicago: Chicago University Press, 1984), ms. 247.

Tetapi selepas dasar reformasi dan pembukaan diadakan, aktiviti-aktiviti ini muncul semula. Deng sendiri pun bersetuju bahawa ini adalah pembawaan daripada dasar reformasi pasaran. Maka inilah sebab utama kempen pembasmian pencemaran pemikiran dilancarkan oleh Deng sendiri pada 1983. Dalam ucapan mengumumkan permulaan kempen tersebut, beliau telah mengkritik,

Terdapat sesetengah orang tidak mematuhi kehendak zaman dan rakyat, sengaja mencemarkan jiwa orang ramai dengan pemikiran, karya-karya dan pertunjukan yang tidak sihat. Maksud sebenar pencemaran jiwa ialah tersebar luas pelbagai jenis pemikiran kolot kelas bourgeois dan kelas penindas yang lain, tersebar luas sentimen ketidakpercayaan terhadap usaha sosialisme, komunisme dan pimpinan parti komunis.<sup>190</sup>

Kempen ini telah membawa kesan yang negatif terhadap pelancaran dasar reformasi pasaran.<sup>191</sup> Deng sedar bahawa tujuan pelancaran kempen ini adalah sama dengan pengumuman "Empat Prinsip Pengekalan", iaitu mengukuhkan kedudukan PKC sebagai kerajaan pemerintah yang tunggal, tetapi tidak berhasrat menyekat kemajuan reformasi pasaran. Beliau mahu memastikan reformasi diadakan dalam bidang ekonomi dengan seluas yang mungkin. Pada bahagian ini beliau mendapati Chen Yun berbeza pendapat dengannya. Wartawan serta pemerhati ekonomi China Yang Jisheng telah menyifatkan idea reformasi pasaran Deng,

secara tidak langsung (beliau) telah mengakui bahawa sistem ekonomi negara sosialis sebenarnya juga bersifat ekonomi komoditi iaitu keputusan penawaran dan permintaan pasaran amat penting untuk menentukan harga barang.<sup>192</sup>

Idea ini menampakkan hasrat Deng untuk menghidupkan ekonomi dengan bantuan pengamalan sesetengah ciri-ciri ekonomi pasaran iaitu hukum penawaran dan permintaan bebas dalam rangka ekonomi terancang. Akan tetapi Chen Yun hanya bersetuju secara prinsipnya dengan pandangan tersebut. Sebaliknya beliau amat menegaskan pasaran di

<sup>190</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 40.

<sup>191</sup> Sila rujuk perbincangan berkaitan dengan peristiwa ini di bab tiga.

<sup>192</sup> Yang Jisheng, *Deng Xiaoping Shidai* (Era Deng Xiaoping), ms. 322.

negara sosialis perlu dihadkan dalam rangka sistem ekonomi terancang. Pihak kerajaan yang berfungsi sebagai perancang merupakan penghidup ekonomi. Ia perlu menguasai perancangan hal-hal yang penting seperti pembinaan infrastruktur, menentukan rancangan makro ekonomi dan sebagainya, tetapi dalam bahagian ekonomi kehidupan harian, barulah penawaran dan permintaan pasaran yang menentukan kuantiti dan kualiti barang yang hendak dikeluarkan.<sup>193</sup> Inilah intipati “Teori sangkar burung” yang dikemukakan oleh Chen,

Bagaikan seekor burung dalam sangkar, iaitu burung (perkembangan ekonomi) tersebut dibenarkan berterbangan dalam sangkar (kebebasan yang terhad), tetapi ia masih dikawal oleh sangkar (kerajaan) tersebut.<sup>194</sup>

Kenyataan ini menunjukkan bahawa Chen masih memegang kuat terhadap konsep “terancang” dalam reformasi pasaran lebih daripada “pasaran”. Tetapi jika menghadapi zaman reformasi 1980-an ini, pelaburan modal asing yang dialu-alukan adalah masuk secara berduyun-duyun. Modal asing ini mempunyai sifat beramaun besar dan tidak dapat dikawal sepenuhnya oleh kerajaan pusat, oleh itu kalau kerajaan PKC masih terlalu menegaskan “terancang”, kemungkinan besar ia tidak bermakna langsung.

Bukan begitu sahaja, Chen juga tidak begitu senang terhadap sistem ekonomi yang begitu bebas diamalkan dalam negaranya. Dikatakan beliau pernah mengkritik kelonggaran yang diberi oleh kerajaan di Zon-zon Ekonomi Istimewa tersebut sehingga menyebabkan pedagang asing yang bertapak di sana berlagak seperti penjajah asing yang mengeksplorasikan China pada awal abad ke-20.<sup>195</sup> Beliau sememangnya merupakan salah seorang pemimpin yang membantah penubuhan zon-zon tersebut sejak 1981 lagi.

<sup>193</sup> Chen Yun, *Chen Yun Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Chen Yun), ms. 278.

<sup>194</sup> Ye Yonglie, *Chen Yun Quanzhuan* (Biografi Penuh Chen Yun), ms. 266.

<sup>195</sup> Ibid, ms. 63.

<sup>196</sup> Dalam masa kempen pembasmian pencemaran pemikiran, tentang perkembangan di Zon-zon Ekonomi Istimewa, Menteri Jabatan Propaganda Parti Deng Liqun yang senada dengan Chen juga membidas, “Selain daripada bendera kebangsaan yang berkibar di sana berwarna merah sahaja, tidak satu lagi benda di sana bersifat sosialis, ia kelihatan seakan-akan sama dengan Hong Kong!” <sup>197</sup>

Sebenarnya Deng lebih khuatir tentang kenyataan pemimpin-pemimpin ini. Beliau menganggap mereka ini berfikiran “ultra kiri” . Idea-idea mereka lebih konservatif dan orthodoks dengan berpegang kaku terhadap fahaman Marxis-Leninis dan Maois. Oleh itu pada 1984 iaitu selepas kempen pembasmian pencemaran pemikiran dibatalkan, Deng berkeputusan untuk pergi melawat Zon-zon Ekonomi Istimewa. Sebab ini merupakan salah satu petanda sahih kepada pelancaran dasar reformasi pasaran. Lawatan Deng ke sana juga bertujuan menunjukkan sokongannya terhadap pembangunan di kawasan-kawasan tersebut.

Pada Januari 1984, Deng dengan iringan beberapa pemimpin veteran yang lain seperti Wang Zhen dan Yang Shangkun, telah melawat ke Shenzhen, Zhuhai, Shekou dan Xiamen. Kehadiran beliau ini telah membawa kesan yang amat ketara terhadap keempat-empat zon tersebut. Selepas beliau pulang dari zon-zon tersebut, beliau telah bercadang,

Kita patut membuka beberapa kawasan (zon ekonomi istimewa) lagi, mungkin tidak dinamakan sebagai zon ekonomi istimewa, tetapi boleh mengamalkan setengah-setengah dasar yang sama seperti zon tersebut.<sup>198</sup>

<sup>196</sup> Chen Yizi, *Shinian Gaige yu Bajiu Minyun* (Sepuluh Tahun Bereformasi dan Kempen Rakyat Tahun 1989) (Taipei: Penerbitan Lianjing, 1990), ms. 57.

<sup>197</sup> Yang Zhongmei, *Hu Yaobang Pingzhuan* (Komen Biografi Hu Yaobang) (Taipei: Penerbitan Penma, 1989), ms. 211.

<sup>198</sup> Deng Xiaoping, *Jianshe you Zhongguo Tese de Shehui Zhuyi* (Membina Sosialisme yang Berkarakter China) (Beijing: Penerbitan Renmin, 1987), ms. 26.

Seterusnya terdapat empatbelas buah bandar pinggiran laut dan pulau Hainan dinamakan sebagai zon ekonomi yang baru.<sup>199</sup> Dalam perkembangan ini, Dorothy J. Solinger bersikap memuji,

Tindakan kerajaan pusat kali ini merupakan satu tindakan yang sangat penting dan bersignifikasi kerana ia menunjukkan usaha reformasi dan pembukaan yang dilancarkan sebelumnya telah dikukuhkan kedudukan dan seterusnya akan menuju ke arah perkembangan yang lebih liberal atau lebih Kapitalis.<sup>200</sup>

Dengan perkembangan yang berlaku di aspek-aspek ini, ternyata petua meneruskan kecemerlangan dan meringankan kesan buruk dasar reformasi pasaran adalah menumpukan sasaran reformasi ke medan yang sebenarnya, iaitu kawasan bandar.

Pada masa itu, sistem-sistem ekonomi yang bersifat terancang seperti sistem pemilikan firma-firma, sistem penetapan harga barang, sistem harta tanah dan perjawatan, semuanya masih diamalkan di kawasan bandar. Situasi yang sebegini menyukarkan penyaluran modal dari kawasan kampung pertanian ke sana. Terdapat tiga halangan utama yang menggagalkan penyaluran tersebut. Pertama ialah sistem pengangkutan dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar berhampiran yang telah ketinggalan zaman, kedua ialah kerajaan masih berperanan penting dalam pengawalan harga kebanyakan barang keperluan harian. Ini bermaksud kerajaan memborong barang ini dengan harga tinggi tetapi menjualnya kepada penduduk bandar dengan harga rendah untuk mengawal inflasi. Kerajaan menanggung satu beban subsidi yang berat. Ketiga pula ialah pembekalan bahan asas dan mesin-mesin dari kawasan bandar masih tidak efisien.<sup>201</sup> Oleh itu, tepatlah masanya bagi para pemimpin reformasi termasuk juga

<sup>199</sup> Robert Kleinberg, *China's "Opening" to the Outside World*, ms. 90.

<sup>200</sup> Dorothy J. Solinger, "Economic Reform," Steven M. Goldstein, (ed) *China Briefing 1984* (Boulder: Westview Press, 1985), ms. 87.

<sup>201</sup> Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai, 1949-1997 (Sejak Penubuhan Negara, 1949-1997)*, ms. 739-740.

Deng mengemukakan pendapat bahawa perkembangan reformasi dan pembukaan mesti masuk dari luar ke dalam hati pusatnya.<sup>202</sup>

#### **4.3. Zhao Ziyang Mengambil Nasihat Asing**

Menghadapi situasi begini, Deng telah mengarahkan supaya "reformasi perlu beralih daripada kawasan luar bandar ke kawasan bandar".<sup>203</sup> Maka Zhao Ziyang yang merupakan pemimpin eksekutif tertinggi (perdana menteri) perlu melaksanakan arahan tersebut. Beliau dan Hu Yaobang yang berjawatan sebagai setiausaha agung pusat parti merupakan antara dua pemimpin yang dinamakan oleh Deng sebagai pemimpin pengganti beliau. Hu pula merupakan ketua PKC yang bertugas untuk memantau hal isu ideologi parti dan negara.

Deng pula hanya memegang jawatan pengurus jawatankuasa ketenteraan parti sahaja. Beliau telah memberi kebebasan yang cukup luas kepada pemimpin-pemimpin puak reformasi ini untuk merealisasikan idea-ideanya. Bagaimanapun, tradisi politik China sememangnya amat mengambil berat pandangan pemimpin senior. Gerak-geri pemimpin puak reformasi ini sememangnya perlu mendapat perestuan Deng terlebih dahulu. Sebagai pemimpin pelapis yang dinamakan oleh Deng sebagai pengganti kedudukan beliau, setiausaha agung pusat parti Hu Yaobang turut dipilih oleh PKC sebagai pengurus pusat parti melalui mesyuarat jawatankuasa pusat parti kali keselelas sesi keenam. Menjelang penghujung mesyuarat tersebut, Hu pernah mengaku,

Saya diangkat ke jawatan ini (pengurus pusat parti) adalah dalam satu situasi yang mempunyai signifikasi sejarah terhadap parti kita. Sebenarnya, kalau mengikut kehendak

---

<sup>202</sup> Yang Jisheng, *Deng Xiaoping Shidai* (Era Deng Xiaoping), ms. 299.

<sup>203</sup> Deng Xiaoping, *Jianshe you Zhongguo Tese de Shehui Zhuyi* (Membina Sosialisme yang Berkarakter China), ms. 514.

majoriti komrad parti, jawatan pengurus pusat ini patut disandang oleh komrad Xiaoping...Dengan penetapan ini (jawatan pengurus pusat parti), sememangnya merupakan satu perubahan yang besar. Namun saya patut menjelaskan kepada sidang bahawa, ada dua (ciri) tidak berubah, satu ialah pengaruh para revolusinis senior (maksudnya Deng dan pemimpin-pemimpin yang segenarasi dengannya) tidak berubah dan kedua ialah kemampuan saya juga tidak berubah.<sup>204</sup>

Zhao Ziyang juga menghadapi nasib yang sama. Beliau dapat berkhidmat di kerajaan pusat adalah melalui pemerhatian Deng terhadap pengalaman pentadbiran beliau yang lama di kerajaan tempatan yang amat memuaskan. Beliau pernah berkhidmat di wilayah Sichuan untuk mengadakan eksperimen pengurusan autonomi firma-firma milik kerajaan.<sup>205</sup> Eksperimen ini cuba memberi kebebasan kepada pengurus firma-firma untuk membuat keputusan sendiri berkenaan dengan keadaan semasa pasaran. Tujuannya ialah cuba mencari satu mekanisme pengurusan firma di mana pengawasan secara sosialisme masih kekal tetapi tindak balas pihak firma terhadap keadaan semasa pasaran lebih fleksibel.

Zhao pernah memperkenalkan sistem cukai pendapatan untuk menggantikan sistem pembayaran keuntungan firma-firma negara kepada kerajaan pusat. Sebelum ini, di bawah sistem ekonomi terancang, segala keputusan pengurusan firma milik kerajaan perlu mendapat perestuan daripada kerajaan pusat. Dengan itu, segala keuntungan firma setelah ditolak kos perlu diserahkan kepada pihak perbendaharaan kerajaan pusat. Di sanalah mereka menentukan jumlah peruntukan yang perlu disalurkan kepada firma-firma pada tahun yang berikutnya. Tetapi dalam sistem ini, pihak pengurus akan diberi satu formula kira-kira untuk menentukan jumlah peratusan keuntungan bersih firma yang perlu dibayar kepada kerajaan pusat sebagai cukai pendapatan, kemudian yang baki akan

<sup>204</sup> Yang Zhongmei, *Hu Yaobang Pingzhuhan* (Komentar Biografi Hu Yaobang), ms. 200.

<sup>205</sup> Gao Gao, *Hou Wengeshi: Zhongguo Ziyouthua Chaoliu* (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan: Arus Liberalisasi di China), ms. 397.

ditentukan oleh pihak pengurus sendiri kegunaannya. Ini juga bermaksud sebahagian bidang kuasa pengurusan dan pembuat keputusan telah diturunkan kepada pengurus firma-firma tersebut.<sup>206</sup> Eksperimen itu telah membawa hasil yang positif. Oleh itu Deng telah melantik beliau berkhidmat di kerajaan pusat untuk membawa pengalaman itu kepada seluruh negara.

Pada 9 September 1984, Zhao mengemukakan satu laporan kepada ahli jawatankuasa tetap pusat PKC, menyentuh tiga aspek dalam rancangan reformasi sistem ekonomi negara yang akan dilaksanakan kelak. Tiga aspek itu ialah reformasi sistem ekonomi terancang, reformasi harga barang dan reformasi peranan pihak kerajaan dalam pembangunan ekonomi.<sup>207</sup> Ini merupakan satu rangka asas berkenaan dengan beberapa tumpuan penting yang pihak PKC bercadang untuk melakukan reformasi. Mereka percaya sudah tiba masanya satu reformasi yang lebih menyeluruh dijalankan untuk mempertingkatkan hasil reformasi dan pembukaan.<sup>208</sup> Dalam laporan tersebut Zhao juga meletakkan reformasi harga sebagai satu kayu pengukur kejayaan reformasi sistem ekonomi.<sup>209</sup> Melalui reformasi ini, kawalan terhadap harga setiap jenis barang akan cuba dibebakan atau disubsidi oleh kerajaan, tetapi ditentukan sistem pengambilan harga yang berdasarkan penawaran dan permintaan di pasaran yang menentukannya.

---

<sup>206</sup> Robert Michael Field, "Changes in Chinese Industry Since 1978," *The China Quarterly*, no. 100 (December, 1984), ms. 750.

<sup>207</sup> Zhao Ziyang, "Guang Yu Jingji Tizhi Gaige Sange Wenti de Yijian" (Pandangan Terhadap Tiga Masalah yang Wujud dalam Reformasi Sistem Ekonomi), Pejabat Kajian Karya-karya Pusat PKC (ed) *Shierda Yilai Zhongguo Wenxian Xuanbian* (Koleksi Dokumen-dokumen Terpilih Sejak Kongres PKC Keduabelas) (Beijing: Penerbitan Renmin, 1986), ms. 536.

<sup>208</sup> Hsu Robert, *Economic Theories in China 1979-1988* (Cambridge: Cambridge University Press, 1991), ms. 156-161.

<sup>209</sup> Zhao Ziyang, "Guang Yu Jingji Tizhi Gaige Sange Wenti de Yijian" (Pandangan Terhadap Tiga Masalah yang Wujud dalam Reformasi Sistem Ekonomi), Pejabat Kajian Karya-karya Pusat PKC (ed) *Shierda Yilai Zhongguo Wenxian Xuanbian* (Koleksi Dokumen-dokumen Terpilih Sejak Kongres PKC Keduabelas), ms. 536.

Zhao secara terus terang menyatakan laporan beliau ini mendapat khidmat nasihat daripada pakar-pakar ekonomi luar negeri. Di antara mereka itu, Kornai seorang ahli ekonomi barat yang mengulas perjalanan reformasi pasaran adalah seperti berikut,

langkah-langkah reformasi yang diambil tidak berturutan dan lambat, apatah lagi juga terdapat dasar-dasar yang kabur isinya telah menggagalkan kejayaan lain yang dibawa oleh sesetengah langkah reformasi yang berjaya.<sup>210</sup>

Pandangan Wolf seorang ahli ekonomi barat juga lebih kurang samanya. Beliau menyifatkan pelaksanaan dasar tersebut di China adalah satu campuran sistem terancang dan sistem pasaran. Campuran dasar ini telah menyampaikan mesej-mesej ekonomi yang kurang tepat kepada isirumah-isirumah di pasaran. Percubaan untuk mengadunkan kedua-dua jenis sistem ekonomi ini tidak berfungsi dengan berkesan seperti yang dijangkakan.<sup>211</sup>

Pandangan ahli-ahli ekonomi barat ini ternyata lebih menumpu kepada kekurangan-kekurangan dasar tersebut. Mereka menilai keberkesanan dasar ini dengan berasaskan konsep ekonomi pasaran bebas yang mengutamakan kebebasan mutlak setiap pihak dalam mendapat informasi dan membuat keputusan. Segala tindakan yang cuba mengawal kebebasan setiap isirumah tidak akan disenangi. Walaupun PKC telah menjelaskan bahawa tindakan tersebut diambil demi kebaikan majoriti, tetapi penjelasan itu tidak diterima oleh ahli-ahli ekonomi barat.

Mereka telah mencadangkan negara-negara sosialis yang ingin mengalih ke ekonomi pasaran bebas supaya mengamalkan satu dasar pengalihan yang menyeluruh dan radikal, iaitu dasar “terapi kejutan” atau juga dinamakan sebagai “Big Bang”.<sup>212</sup>

---

<sup>210</sup> Janos Kornai, *The Road to a Free Economy* (New York: W. W. Norton and Company, 1990), ms. 159.

<sup>211</sup> Thomas A. Wolf, “Lessons of Limited Market-oriented Reform,” *Journal of Economic Perspective*, vol. 5, no. 4 (1991), ms. 45-58.

<sup>212</sup> Ibid, ms. 13.

Dasar ini melihat sistem ekonomi terancang sebagai satu sistem ekonomi yang terlalu mementingkan konsep egalitarian. Terdapat lima langkah terapi kejutan yang perlu dijalankan secara serentak dalam satu jangkamasa yang singkat. Lima langkah ini ialah memantapkan makroekonomi, membebaskan kawalan harga barang, membebaskan urusan perniagaan, meningkatkan ekonomi swasta dan menswastakan firma-firma milik negara.<sup>213</sup> Kekuatan penjanaan lima langkah ini akan “memengangkan” ekonomi terancang, kemudian kuasa modal asing digunakan untuk menetapkan harga barang dengan lebih tepat, menggalakkan persaingan, kemudian membenarkan setiap individu mengejar keuntungan maksimum masing-masing supaya dapat mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Di samping itu, pihak kerajaan hanya menerajui perkembangan ekonomi menerusi pengawalan penawaran matawang dan dasar fiskal untuk menyekat inflasi melambung, maka keseluruhan perjalanan reformasi ini akan dijalankan dalam satu keadaan yang terkawal.<sup>214</sup>

Kalau diperhatikan tumpuan reformasi yang dicadangkan oleh Zhao, ternyata idea-idea pakar ekonomi barat amat dipandang berat. Beliau nampaknya amat percaya bahawa petua-petua mereka itu mujarab. Deng juga berkeyakinan dengan idea-idea tersebut. Beliau telah menyuarakan sokongannya kepada Zhao. Semasa berjumpa dengan tetamu-tetamu asing, beliau pernah dua kali mengumumkan isi kandungan reformasi pasaran yang akan dibincang dan diluluskan dalam mesyuarat jawatankuasa pusat yang akan berlangsung dalam beberapa hari lagi.<sup>215</sup>

---

<sup>213</sup> World Bank, *World Development Report* (New York: Oxford University Press, 1991), ms. 16.

<sup>214</sup> Jeffrey Sachs dan Lipton David, “Poland’s Economic Reform,” *Foreign Affairs*, vol. 69, no. 4 (1990), ms. 55.

<sup>215</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 77-82.

#### **4.4. Dasar Reformasi Pasaran Menyeluruh Dimulakan**

Pada 20 Oktober 1984, pusat PKC telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Keduabelas Sesi Ketiga. Cadangan Zhao berjaya mendapat mandat daripada parti untuk meluluskan satu resolusi yang bertajuk "Resolusi Pusat PKC Tentang Reformasi Sistem Ekonomi".<sup>216</sup> Resolusi ini buat kali pertamanya mengaku ekonomi komoditi yang merupakan sebahagian daripada sistem ekonomi kapitalis boleh diamalkan dalam sistem ekonomi sosialis tanpa percanggahan. Ia mengakui bahawa ekonomi komoditi yang diamalkan di China ialah "ekonomi komoditi terancang". Dalam sistem ekonomi ini, peranan yang dimainkan oleh parti pemerintah dan kerajaan dalam bidang ekonomi amat minima. Sebaliknya ia lebih mengutamakan peranan yang dimainkan oleh jumlah permintaan dan jumlah penawaran yang ada di dalam pasaran. Dengan pengumuman ini, selain daripada penerusan reformasi di kawasan luar bandar, di kawasan bandar pula dijalankan proses desentralisasi firma milik negara dan reformasi harga barang untuk mengubah sistem ekonomi terancang yang tidak begitu mementingkan kuasa pasaran.

Chen Yun telah mengemukakan kenyataan bertulis untuk menyokong resolusi tersebut. Kenyataan tersebut berbunyi,

Reformasi sistem ekonomi yang secara terancang merupakan perkara utama dalam menyelesaikan masalah ekonomi negara... Dengan itu, kerajaan perlu mengurangkan campur tangan terhadap firma-firma milik negara. Bagaimanapun reformasi mesti dijalankan dengan rentak yang mantap... Reformasi harga barang yang akan diamalkan nanti mesti dipastikan supaya tidak menjelaskan pendapatan sebenar orang ramai.<sup>217</sup>

Pengumuman Chen ini boleh dilihat sebagai satu tindakan publisiti untuk menunjukkan sebulat pendapat antara ahli biro politik pusat. Pada masa yang sama, amaran beliau bahawa pihak kerajaan perlu memastikan keadaan terkawal, masih menegaskan

---

<sup>216</sup> Barry Naughton, *Growing Out of the Plan: Chinese Economic Reform 1978-1993*, ms.202.

<sup>217</sup> Chen Yun, *Chen Yun Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Chen Yun), ms. 297-300.

kepentingan sistem terancang. Beliau masih mempunyai pandangan yang berlainan dengan pemimpin puak reformasi.

Tujuan reformasi kali ini ingin menjadikan firma-firma milik negara menanggung untung rugi secara sepenuhnya, mewujudkan satu pasaran pengambil harga bebas yang menggalakkan persaingan bebas dan mengamalkan pengawalan ekonomi dari segi makro ekonomi oleh kerajaan.<sup>218</sup> Penwujudan satu pasaran bebas dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan, seterusnya membiarkan permintaan dan penawaran pasaran menentukan harga dan kuantiti barang yang akan dihasilkan. Bagaimanapun orang PKC tidak bercadang untuk mengalihkan sepenuhnya sistem ekonomi daripada sosialis atau terancang kepada kapitalis. Walaupun haluan reformasi yang akan dituju mirip sistem ekonomi kapitalis, mereka tidak akan mengaku kerana pengawalan kerajaan masih dikekalkan. Kepentingan parti, semangat nasionalisme dan maruah diri pemimpin PKC akan dikenalkan. Deng masih menggelar diri sebagai orang Komunis,

Sekarang terdapat suara yang bimbang China mungkin akan menjadi (pengamal) kapitalisme. Tidak boleh dinafikan bahawa kebimbangan ini tidak ada asasnya. Kita tidak boleh memberi kenyataan kosong tetapi mesti menggunakan realiti sebenar untuk menghindarkan kebimbangan ini... Dalam otak fikiran kami memang mempunyai cita-cita komunisme dan azamnya.<sup>219</sup>

Selepas resolusi itu diumumkan, Pejabat Perdana Menteri telah memulakan reformasi di beberapa bidang berikut. Yang pertama dan yang paling utama ialah reformasi harga, iaitu kerajaan cuba membebaskan kawalan terhadap penetapan harga barang pertanian. Kemudian ia juga dilengkapkan dengan reformasi gaji upah pekerja firma-firma milik negara, di mana pendapatan mereka cuba ditingkatkan dengan pelbagai kaedah untuk menanggung kenaikan harga barang yang dijangka muncul.

<sup>218</sup> Wu Jinlian dan Zhao Renwei, "The Dual Pricing System in China's Industry," Bruce L. Reynolds (ed) *Chinese Economic Reform: How Far? How Fast?* (Boston: Academic Press, 1987), ms. 26-27.

<sup>219</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga (Beijing: Penerbitan Renmin, 1994), ms. 111.

Reformasi dalam pemilikan firma-firma milik kerajaan juga diadakan pada masa yang sama. Kerajaan cuba melepaskan pemilikan firma-firma yang tidak bersifat strategik terhadap keselamatan negara kepada pekerjanya. Melalui cara ini ia cuba melepasskan tanggungan modal, meringkaskan prosedur membuat keputusan dalam pengurusan dan meningkatkan efisiensi firma-firma. Para pekerja firma-firma memilikinya dengan cara pemegangan saham atau hanya menyewanya.

Institusi-institusi kewangan dan perbankan juga diarahkan untuk melonggarkan syarat-syarat pinjaman supaya dapat menjayakan reformasi-reformasi di atas. Tahun 1984 akan dijadikan sebagai tahun asas untuk rujukan pihak kerajaan supaya menentukan berapa jumlah pinjaman yang akan diberi pada tahun-tahun kemudiannya. Begitu juga dengan kadar kenaikan gaji pada 1984 yang ditetapkan oleh kerajaan sebagai kadar rujukan pada tahun-tahun kemudiannya.<sup>220</sup>

#### 4.5. Kesan Awal Pelaksanaan Reformasi Pasaran Di Bandar

Reformasi pasaran ini dilancarkan dalam satu tempoh masa yang singkat sahaja. Kerajaan pada masa itu menjangka kesan positif dapat muncul dalam masa yang singkat.<sup>221</sup> Bagaimanapun kesan yang sebaliknya menjelma. Oleh kerana pihak kerajaan tidak sempat memberi penjelasan yang munasabah<sup>222</sup>, reaksi orang ramai ialah bimbang harga barang lain juga akan melambung naik. Sebab selepas kerajaan menghentikan subsidi terhadap pengeluaran barang pertanian lazimnya akan mengakibatkan "reaksi

<sup>220</sup> Gao Gao, *Hou Wengeshi: Hu Yaobang Yusubuda* (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan: Hu Yaobang Ghairah Berusaha tetapi Tidak Kesampaian), ms. 192.

<sup>221</sup> Deng pernah dalam satu ucapannya menjangka bahawa reformasi di bandar hanya perlu tiga hingga lima tahun untuk melihat hasil yang ketara. *Ibid*, ms. 78.

<sup>222</sup> Lu Fanzhi, *Zhongguo Jingji: Gaige yu Tiaozheng* (Ekonomi China: Reformasi dan Penyelarasian), ms. 279.

"rantaian" yang akan melibatkan harga barang yang berkaitan dengan barang pertanian. Peristiwa rebut beli dengan tidak dapat dielakkan telah berlaku.<sup>223</sup> Kemudian kenaikan harga barang-barangan telah menjadi realiti akibat daripada jangkaan rakyat sendiri.

Terdapat ramai pucuk pimpinan firma-firma milik negara dan institusi-institusi kerajaan mencari jalan menaikkan gaji pekerja-pekerjanya pada 1984 dengan pelbagai jenis alasan supaya dapat mempertingkatkan kadar kenaikan gaji pada tahun berikutnya.<sup>224</sup> Pengurus firma-firma tersebut berbuat demikian adalah berkat daripada disentralisasi yang dilakukan oleh kerajaan pusat. Mereka yang diberi bidang kuasa yang lebih besar nampaknya telah menyeleweng. Bagaimanapun, ia juga dilakukan dalam suatu keadaan yang sangat terdesak kerana kenaikan harga barang keperluan harian juga melambung tinggi akibat orang ramai merebut beli. Pengurus firma-firma milik negara berbuat demikian adalah dalam keadaan yang terpaksa untuk mencari jalan menjaga kepentingan pekerjanya termasuk diri-sendiri. Manakala ada pengurus institusi-institusi yang mencari kesempatan menyalahgunakan kuasa untuk mengaut keuntungan besar, turut mengeruhkan situasi ekonomi pada masa itu.

Pada awal 1986 timbalan perdana menteri Tian Jiyun pernah menganalisis sebab-sebab yang mengakibatkan suasana ekonomi yang kecoh itu,

Oleh kerana semua pihak (kerajaan tempatan) merebut-rebut mengadakan projek pembangunan infrastruktur, banyak kelengkapan dan bahan-bahan pembinaan diperlukan, telah merangsangkan industri pembuatan berkembang pesat, kemudian mengakibatkan perlambungan jumlah pinjaman dan penggunaan, seterusnya mengimport masuk banyak bahan-bahan utama; kemudian pengimportan barang mahal juga bertambah kuantiti, mengakibatkan defisit imbangan pembayaran antarabangsa (China)

<sup>223</sup> Li Xinzhi dan Wang Yuezong, *Weida de Shijian, Guanghui de Sixiang: Deng Xiaoping Geming Huodong Dashiji* (Amalan yang Masyhur, Pemikiran yang Gemilang: Kronologi Aktiviti Revolusi Deng Xiaoping) (Beijing: Penerbitan Hualing), ms. 287,290-292.

<sup>224</sup> Gao Gao, *Hou Wengeshi: Hu Yaobang Yusubuda* (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan: Hu Yaobang Ghairah Berusaha tetapi Tidak Kesampaian), ms. 192.

meningkat, rezab antarabangsa negara pun menurun secara mendadak. Punca sebenar masalah ini ialah agihan pendapatan rakyat tidak seimbang, (mengakibatkan) jumlah permintaan masyarakat melebihi jumlah penawaran.<sup>225</sup>

Analisis Tian ini hanya dibuat dari segi makro. Pengupasan yang dibuat oleh Chen Yun jauh lebih terus terang dan pedas,

Bermula sahaja dasar pembukaan kepada dunia luar, menghidupkan ekonomi di dalam negeri, banyak institusi kerajaan dan parti, kader-kader kerajaan, parti dan tentera serta anak-anak mereka telah berebut-rebut untuk mengadakan perniagaan. Menurut hasil penyiasatan yang dilakukan di belasan wilayah, sejak musim keempat tahun lepas hingga sekarang telah muncul lebih kurang 20, 000 syarikat yang ditubuhkan oleh mereka dalam sekilip mata. Sebahagian daripadanya bersubahat dan saling memperalat dengan anasir jahat atau pedagang tidak beretika, mencari kelonggaran reformasi, jual-beli dengan modal kosong, menggunakan keistimewaan membeli murah dan jual dengan mahal, memberi dan menerima rasuah, menyeludup dan menjual barang seludup, membuat barang palsu, menipu dan memeras ugut, mengelak cukai, membuat dan mengedar ubat palsu, arak palsu, membunuh demi kekayaan sehingga memasar dan menayang wayang-wayang lucu, memaksa orang perempuan melacur, semuanya menunjukkan pemikiran reput kapitalis sedang menghakis parti dan masyarakat kita dengan teruknya.<sup>226</sup>

Daripada aktiviti-aktiviti yang disebutkan oleh Chen Yun ini, dapat dilihat betapa banyak kesempatan dan peluang yang boleh diambil sempena pelaksanaan dasar reformasi pasaran ini. Sistem perundangan dan penguatkuasannya tidak dapat menyekat "pembebasan" yang negatif ini diamalkan di China.

Memandang kepada perkembangan situasi selepas reformasi di bandar dilakukan, pada awal Januari 1985 Zhao Ziyang mengumumkan bahawa tetap meneruskan reformasi bandar. Tetapi beliau bertambah bahawa kerajaan pada kali ini perlu berhati-hati. Tumpuan reformasi pada masa itu sekali lagi terpaksa dipindah balik ke bidang pertanian, pelaburan terhadapnya mula meningkat, harga pembelian barang pertanian telah dinaikkan.<sup>227</sup>

<sup>225</sup> Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai, 1949-1997 (Sejak Penubuhan Negara, 1949-1997)*, ms. 763.

<sup>226</sup> Ibid, ms. 769.

<sup>227</sup> Gao Gao, *Hou Wengeshi: Hu Yaobang Yusubuda (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan: Hu Yaobang Ghairah Berusaha tetapi Tidak Kesampaian)*, ms. 195.

Kerajaan cuba memperkenalkan sistem pengambilan harga dua trek. Para petani hanya perlu menjual sejumlah bilangan hasil pertanian kepada kerajaan dengan menetapkan satu harga yang tertentu melalui kontrak. Kemudian mereka dibenarkan menjualkan hasil tanaman yang selebihnya ke pasaran dengan harga yang bebas. Melalui cara ini, kerajaan dapat membekalkan bahan mentah yang murah kepada firma-firma negara. Kalau harga bahan mentah di pasaran bebas terlalu rendah, maka pembelian kerajaan melalui kontrak sekurang-kurangnya dapat memastikan sebahagian pendapatan petani berkekalan dan memastikan pengeluaran barang diteruskan. Secara teori atas kertas, ia merupakan satu dasar yang berserampang mata dua.

Tetapi sistem ini juga mempunyai ruang untuk korupsi berlaku. Terdapat segelintir pengurus firma-firma negara telah membeli bahan mentah dengan harga kontrak untuk dijual ke pasaran bebas untuk mengaut keuntungan. Pihak kerajaan yang mengalami kerugian teruk dalam penyelewengan ini. Pada masa yang sama, penjualan bahan mentah tersebut juga telah mengganggu penetapan harganya di pasaran bebas dan menyebabkan ramai pengeluar mengalami kerugian.

Berkenaan dengan pelaksanaan dasar reformasi pasaran secara meluas di kawasan bandar, Wang Xiaoqiang dalam kajian ilmiah kedoktorannya pernah meneliti teori "Big Bang" yang dipelopori oleh ahli-ahli ekonomi yang disebut di atas dan perlaksanaannya pada negara-negara komunis di Eropah Timur dan Russia. Beliau berpendapat cadangan ini sebenarnya tidak mujarab. Ini kerana dalam praktikalnya reformasi kejutan terhadap sistem pengurusan firma-firma milik negara, pasaran pembekalan bahan utama dan hak pemilikan firma-firma milik negara tidak dapat dijalankan serentak. Sementara itu dasar fiskal dan dasar matawang masih tidak dapat menyekat peningkatan inflasi akibat

daripada pembebasan kawalan harga barang. Akibatnya harga barang melambung tinggi seperti di pasaran bebas tetapi firma-firma ekonomi masih merupakan hak milik negara yang tidak sensitif terhadap perubahan permintaan dan penawaran pasaran.<sup>228</sup> Maka ia senang mendatangkan “inflasi yang berterusan” atau “inflasi yang kaku”,<sup>229</sup> iaitu harga barang akan terus melambung, tetapi pembekalan barang menjadi tidak cukup, usaha memperbaiki taraf hidup rakyat tidak berjaya. Akhirnya jika kerajaan ingin memantapkan situasi maka ia perlu sekali lagi menggunakan bidang kuasanya bercampurtangan secara langsung untuk menyekat perkembangan daripada terus menjadi teruk. Dengan meneliti tindakan yang diambil oleh kerajaan PKC, didapati analisis Wang memang ada ketepatannya.

#### 4.6. Pemimpin Konservatif Mengkritik Hebat Dasar Reformasi Pasaran

Setelah keadaan ekonomi negara semakin huru-hara dan mula mengancam pertumbuhan ekonomi yang sihat, kerajaan PKC terpaksa menggunakan kuasa mutlaknya untuk mengawal keadaan. Terdapat arahan-arahan yang mengetatkan lagi pembelian barang import, pengharaman institusi kerajaan, parti dan tentera berniaga dan memecatkan sesetengah pemimpin yang bersalah.<sup>230</sup> Tindakan-tindakan ini diambil adalah kerana pada masa itu, puak pemimpin yang sependapat dengan Chen Yun seperti Deng Liqun, Hu Qiaomu, Wang Zheng dan Bo Yibo tidak tertahan lagi melihat keadaan ini berterusan. Dengan suara yang lantang mereka menyuarakan rasa ketidakpuasan dan

<sup>228</sup> Wang Xiaoqiang, *Mozhe Shitou Guohe: Zhongguo Gaige zhi Lu* (Menyeberangi Sungai dengan Memijak Batu Seketul demi Seketul: Perjalanan Reformasi di China) (Hong Kong: Oxford University Press, 1996), ms. 21-32.

<sup>229</sup> Guillermo A Calvo dan Falorizio Coricelli, “Stagflationary Efforts of Stabilisation Programs in Reforming Socialist Countries: Enterprise-side and Household-side Factors,” *The World Bank Economic Review*, vol.6, no. 1 (1992), ms. 71-90.

<sup>230</sup> Gao Gao, *Hou Wengeshi: Hu Yaobang Yusubuda* (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan: Hu Yaobang Ghairah Berusaha tetapi Tidak Kesampaian), ms. 205.

ingin menyelesaikan masalah tersebut dengan cara mereka. Mereka biasanya berada dalam jawatankuasa perancangan negara dan jawatankuasa disiplin pusat parti.<sup>231</sup>

Pada akhir Februari 1985, Bo Yibo yang berucap dalam mesyuarat jawatankuasa petunjuk kempen pengemaskinian parti peringkat kebangsaan berkata,

Para kader parti baru-baru ini telah banyak terlibat dalam banyak perkara yang tidak mematuhi kod etika parti dan negara. Contohnya seperti mendirikan syarikat persendirian untuk mengaut keuntungan, membelanjakan peruntukan kerajaan secara boros, rasuah, menaikkan gaji dirinya sewenang-wenangnya dan sebagainya. Oleh itu saya mencadangkan bahawa pihak parti menjalankan kempen pengemaskinian parti supaya dapat membasmi gejala-gejala buruk tersebut.<sup>232</sup>

Deng pada Mac telah menyuarakan sokongannya terhadap kenyataan itu. Apabila berjawab terhadap rasa ketidakpuasan sesetengah orang di mana dasar membiarkan sebahagian rakyatnya kaya terlebih dahulu telah membentuk dua kelas yang amat berbeza dalam negara, beliau berkata,

Ini bukanlah tujuan asal kerajaan berbuat demikian, tetapi ia adalah kerana segelintir orang yang menyalahgunakan kebebasan yang diberi oleh pihak kerajaan. Idea ini (membiarkan segelingit orang kaya terlebih dahulu) tidak akan diubah tetapi perlu dilaksanakan dengan penuh berwawasan dan berdisiplin.<sup>233</sup>

Pandangan Deng yang sebegini amat sesuai dengan kehendak para pemimpin veteran tetapi pada masa yang sama, idea-idea reformasinya juga dapat diteruskan. Beliau masih mempunyai perasaan yang sama dengan para pemimpin senior tersebut, tetapi pada masa yang sama beliau juga tidak ingin melihat dasar reformasi pasaran yang melangkah dengan baik itu dibatalkan begitu sahaja.

Bagaimanapun, seperti apa yang dikatakan oleh Overholt dalam kajianya, sebenarnya golongan yang secara langsung menikmati kebaikan daripada dasar reformasi pasaran juga termasuk anak-anak para pemimpin veteran ini. Oleh itu bantahan mereka

<sup>231</sup> Ruan Ming, *Deng Xiaoping: Chronicle of an Empire*, ms. 154.

<sup>232</sup> Gao Gao, *Hou Wengeshi: Hu Yaobang Yusubuda* (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan: Hu Yaobang Ghairah Berusaha tetapi Tidak Kesampaian), ms. 210.

<sup>233</sup> Ibid, ms. 211.

terhadap gejala buruk ini tidak bermaksud untuk membatalkan dasar tersebut. Sebab ini akan menjaskan kepentingan anak-anak mereka sendiri.<sup>234</sup>

Pada Jun 1985, jabatan perdana menteri mengumumkan laporan jabatan pengawalan harga barang. Laporan tersebut menyatakan bahawa, kenaikan harga barang tidak dapat dikawal dan masih melambung, sesetengah kawasan pula berlakunya pembekalan barang yang tidak seimbang serta terdapat kawasan-kawasan bandaraya yang mengalami kekurangan bekalan makanan sayur-sayuran dan sebagainya.<sup>235</sup> Kerajaan PKC jelas gagal melakukan pembebasan kawalan harga barang. Begitu juga dengan reformasi gaji pekerja kerajaan yang dijalankan pada bulan Julai. Didapati setelah skim pengiraan gaji diubahsuai, kadar kenaikan gaji para pekerja kerajaan telah meningkat sebanyak 18%, tetapi pada masa yang sama harga barang makanan dan sayur-sayuran secara puratanya telah meningkat sebanyak 27%, oleh itu kenaikan gaji pekerja masih tidak dapat mengejar kenaikan harga barang.<sup>236</sup>

Berdasarkan keadaan huru-hara yang timbul di dalam perkembangan ekonomi negara, Chen Yun pada akhir Jun 1985 telah membidas ramai ahli partinya termasuklah ahli veteran juga terlibat dalam aktiviti ekonomi yang bersalah di sisi undang-undang. Beliau juga secara terang-terangnya membidas dasar-dasar yang diamalkan di zon ekonomi istimewa merupakan dasar-dasar yang telah menjauhkan diri daripada dasar sosialis.<sup>237</sup>

<sup>234</sup> William H. Overholt, *The Rise of China: How Economic Reform is Creating a New Superpower*, ms. 267.

<sup>235</sup> Liu Rufeng, *Zhonghua Renmin Gongheguo Yaoshilu 1949-1989* (Rekod Peristiwa-peristiwa Penting Republik Rakyat China 1949-1989) (Shandong: Penerbitan Shandong Renmin, 1989), ms. 706.

<sup>236</sup> Jabatan Statistik Negara China (ed), *Fenjin de Sishinian ( Empat Puluh Tahun yang Bermaju Pesat)* (Beijing: Penerbitan Jabatan Statistik Negara China, 1989), ms. 706.

<sup>237</sup> Chen Yun, *Chen Yun Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Chen Yun), ms. 854.

Pendapat Chen ini amat tajam dan disyaki bahawa beliau juga membidas para pemimpin yang menjalankan dasar reformasi pasaran. Kali ini, nampaknya perbezaan pendapat dalam jawatankuasa pusat atau mungkin sehingga antara ahli biro politik pusat sangat serius. Deng menghadapi masalah untuk mendapat sokongan penuh daripada semua pemimpin pusat PKC terhadap penerusan dasar reformasi dan pembukaan.

Masa yang seterusnya Deng nampaknya telah mengubah sikap optimisnya. Pada sepanjang Jun hingga Ogos 1985, semasa beliau berjumpa dengan kedutaan atau tetamu asing, Deng mula tidak begitu yakin terhadap idea-idea reformasi dan pembukaannya lagi. Sebaliknya dalam pertemuan-pertemuan tersebut, beliau menyatakan bahawa zon ekonomi istimewa Shenzhen hanya sebagai satu eksperimen, kalau berjaya sememangnya bersyukur, tetapi kalaupun gagal maka biarlah ia menjadi satu pengalaman yang berguna.<sup>238</sup> Pada ucapan yang dibuat oleh beliau pada 28hb Ogos, beliau bertambah bahawa,

Dasar Reformasi Pasaran tidak akan menyebabkan negara China mundur daripada sebuah negara sosialis kepada negara kapitalis. Yang pertama, disebabkan PKC masih mengekalkan sistem ekonomi milik negara sebagai unsur yang majoriti dan dominan dalam sistem ekonomi China, yang kedua ialah PKC juga akan sentiasa memastikan dasar-dasar yang dilaksanakan tidak akan mengakibatkan kemunculan dua kelas yang mempunyai perbezaan yang ekstrem.<sup>239</sup>

#### 4.7. Rancangan Lima Tahun Ketujuh

Bagi Deng dan Hu, cara yang terbaik untuk menyelesaikan kritikan-kritikan ini adalah dengan mengukuhkan lagi kedudukan mereka dan meneruskan dasar perluasan reformasi. Dalam tempoh 16 hingga 24 September, tiga persidangan yang penting telah diadakan. Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Keduabelas Sesi Keempat merupakan satu

---

<sup>238</sup> Qi Xin, "Cong Jinkou Kuangchao dao Jingji Shache" ( "Dari Keghairahan Mengimport Hingga Sekatan Ekonomi Secara Tergesa-gesa" ), *Jiushi Niandai* (Bulanan Jiushi Niandai) (1985), ms. 69.

<sup>239</sup> Deng Xiaoping, *Deng Xiaoping Wenxuan* (Koleksi Pilihan Karya-karya Deng Xiaoping), jilid ketiga, ms. 550.

mesyuarat persediaan, kemudian Kongres tergempar PKC diadakan pada 18 hingga 23.<sup>240</sup>

Kemudian pada 24 September Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Keduabelas Sesi Kelima menyusul. Memandangkan agenda mesyuarat ini juga merupakan pelaksanaan resolusi Kongres tergempar tersebut, maka tumpuan sebenarnya ialah Kongres tergempar.

Dalam agenda Kongres tersebut, yang pertama ialah meluluskan senarai baru ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Parti, kedua ialah meluluskan rancangan lima tahun yang ketujuh. Maka jelas di sini dapat dilihat satu siri proses pengukuhan kuasa sedang dijalankan. Ini menampakkan kedudukan pemimpin pelapis yang bakal menggantikan Deng masih tidak mendapat kepercayaan Deng lagi. Beliau cuba menggunakan peluang ini mempercepatkan lagi proses pengunduran pemimpin veteran dalam Jawatankuasa Pusat Parti. Jumlah ahli Jawatankuasa Pusat Parti yang telah ditukar ialah sebanyak 56 orang, dari 56 orang jawatankuasa penasihat pusat dan dari 31 orang jawatankuasa disiplin pusat.<sup>241</sup> Cara ini mungkin dapat mengukuhkan kedudukan pemimpin-pemimpin pengganti beliau kerana pemimpin muda dijangkakan lebih menyokong dasar reformasi pasaran. Jika percubaan ini berkesan, maka proses reformasi pasaran yang akan menyusul tentunya dapat dijalankan dengan lebih rancak.

Tetapi dalam Kongres Agung Perwakilan PKC tergempar yang tersebut, puak pemimpin reformasi telah dikejutkan oleh ucapan sengit yang disampaikan oleh Chen Yun.<sup>242</sup> Ucapan beliau ini telah mencacatkan usaha Deng yang ingin melakarkan betapa baiknya suasana negara selepas menjalankan dasar reformasi dan pembukaan. Chen yang berkuasa dalam Jawatankuasa Disiplin Parti Pusat dan ahli tetap biro politik memang ada pengaruhnya. Maka agenda penting yang hendak diluluskan dalam Kongres itu pun

---

<sup>240</sup> Ibid.

<sup>241</sup> Ibid, ms. 161.

<sup>242</sup> Ruan Ming, *Deng Xiaoping: Chronicle of an Empire*, ms. 156.

terpaksa dibuat pengubahsuaian sebelum diluluskan. Rancangan Lima Tahun Ketujuh telah dikurangkan bau reformasinya di mana dua tahun yang pertama dalam rancangan hanya menjalankan penyelarasan ekonomi. Jumlah permintaan negara yang meningkat secara mendadak akan dikawal ketat oleh kerajaan supaya inflasi tidak timbul. Reformasi pasaran yang sebenarnya hanya akan diadakan pada tahun yang ketiga.

Pada masa itu tiga aspek yang utama telah dikenalpasti untuk dijadikan tumpuan reformasi. Pertama ialah firma-firma milik negara, ia akan diteruskan usaha bebas daripada kawalan terus oleh kerajaan dan menanggung untung rugi firma tersebut. Kedua ialah mekanisme pasaran yang diwujudkan dalam sebuah masyarakat sosialis. Ia perlu diperbaiki fungsi-fungsinya supaya dapat membentuk satu mekanisme yang mengamalkan persaingan bebas dalam perniagaan. Seterusnya barulah giliran reformasi harga barang dijalankan. Ketiga ialah kawalan kerajaan terhadap pembangunan ekonomi negara. Negara akan mengurangkan lagi kawalan-kawalan terhadap perkembangan ekonomi negara supaya ia akan berkembang dengan bebas berdasarkan prinsip ekonomi dan bukannya kehendak kerajaan semata-mata.<sup>243</sup> Reformasi dalam bidang ini perlu mengambil masa lima tahun untuk menampakkan hasilnya.

Keputusan mesyuarat-mesyuarat ini agak menghampaskan pemimpin puak reformasi. Kekecewaan mereka ini juga adalah akibat daripada rasa tidak tahan dengan taraf hidup yang semakin merosot. Terdapat kegiatan demonstrasi yang telah diadakan oleh mahasiswa-mahasiswi seluruh negara. Kerajaan PKC pada masa itu telah berjaya menenangkan keadaan dan menghentikan kegiatan-kegiatan tersebut.<sup>244</sup> Jabatan Perdana Menteri atas kritikan hebat oleh Chen Yun, telah mengambil beberapa tindakan untuk

<sup>243</sup> Ibid.

<sup>244</sup> Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai, 1949-1997 (Sejak Penubuhan Negara, 1949-1997)*, ms. 776.

nenghapuskan syarikat-syarikat yang menyalahi undang-undang, membawa beberapa kes jenayah kolar putih ke muka pengadilan serta menyemak semula sistem percukaian dan kewangan yang ditetapkan supaya tidak memberi peluang kepada sesiapa untuk mengambil kesempatan menipu kerajaan.<sup>245</sup>

Pada akhir 1985, Zhao mengumumkan bahawa pada 1986, kerajaan berkeputusan tidak akan mempercepatkan lagi kelajuan dan keluasan dasar reformasi pasaran. Sebaliknya panduan reformasi 1986 ialah berfikir tentang bagaimana mengukuhkan hasil reformasi pasaran serta meneruskannya dengan paling berkesan dalam bidang yang telah dimulakan dan membuat pertambahan di mana yang tidak cukup.<sup>246</sup>

Pandangan sedemikian pada awal 1986 telah dipublisiti dengan meluas oleh media kerajaan. Kemudian pada Mac dan April, semasa Mesyuarat Perhimpunan Agung Keenam Sesi Keempat diadakan, Rancangan Lima Tahun Ketujuh telah diluluskan dengan prinsipnya. Satu perubahan penting telah dibuat. Reformasi sistem ekonomi di kawasan bandar yang pada mulanya dicadangkan akan sempurna dalam lima tahun kini ditukar kepada “berusaha dalam masa lima tahun atau lebih lama lagi untuk menetapkan asas sistem ekonomi baru”. Walaupun laporan tersebut masih menegaskan “akan meletakkan dasar reformasi pada tempat pertama”, tetapi ia lebih merupakan ayat sulam.<sup>247</sup>

#### 4.8. Reformasi Sistem Politik Dan Pemecatan Hu Yaobang

Pada tahap ini, Deng Xiaoping sebagai peneraju reformasi pasaran terpaksa mencuba jalan yang lain untuk meneruskan hajatnya. Beliau nampaknya ingin mencari

<sup>245</sup> Gao Gao, *Hou Wengeshi: Hu Yaobang Yusubuda* (Sejarah Pasca Revolusi Kebudayaan: Hu Yaobang Ghairah Berusaha tetapi Tidak Kesampaian), ms. 216.

<sup>246</sup> Guo Anmin, *Bashi Niandai Zhonggong Galgepai zhi Xingqi yu Bianqian* (Kebangkitan dan Perubahan Puak Reformasi PKC pada Tahun 1980-an), ms. 169.

<sup>247</sup> Ibid, ms. 173.

jalan lain untuk melicinkan reformasi ekonominya. Pada April 1986, semasa berucap di atas mesyuarat ketua-ketua wilayah, beliau menyebut idea untuk mengadakan reformasi dalam sistem politik. Kemudian pada satu mesyuarat parti lagi, beliau berpendapat bahawa, gejala-gejala keruntuhan moral yang berlaku dalam PKC bukanlah suatu perkara yang secara kebetulan, tetapi ia adalah disebabkan oleh sistem politik yang sedia ada. Kalau ingin membasmi gejala-gejala buruk tersebut, maka perlulah menjalankan reformasi sistem politik,

Kalaular hanya melakukan reformasi sistem ekonomi sahaja, tidak melakukan reformasi sistem politik, maka reformasi ini tentu tidak akan berjaya, kerana pertama sekali ia akan menghadapi halangan daripada sesetengah orang.<sup>248</sup>

Menurut Ruan Ming, seorang bekas pegawai kanan Hu Yaobang yang meninggalkan China selepas tahun 1989, kenyataan Deng pada masa itu ada sasar tujuanya. Deng pada masa itu mendapati bahawa faktor utama yang menjadi kesukaran untuk meluaskan reformasi adalah gangguan campur tangan daripada institusi-institusi kerajaan yang lain terhadap Pejabat Setiausaha Agung Pusat Parti dan pejabat perdana menteri. Halangan itu tidak lain tidak bukan tentulah puak Chen Yun dan pemimpin-pemimpin yang berada di kementerian propaganda pusat parti. Tujuan beliau mengungkitkan perkara reformasi sistem politik adalah untuk mengurangkan kuasa campurtangan daripada institusi-institusi tersebut.<sup>249</sup>

Pandangan Deng ini segera mendapat sokongan daripada pemimpin-pemimpin pelapis yang lain seperti Hu Yaobang dan Zhao Ziyang. Seterusnya PKC telah menganjurkan aktiviti-aktiviti peringatan ulang tahun pelancaran kempen "Seratus

---

<sup>248</sup> Deng Xiaoping, *Jianshe you Zhongguo Tese de Shehui Zhuyi* (Membina Sosialisme yang Berkarakter China), ms. 380.

<sup>249</sup> Ruan Ming, *Deng Xiaoping: Chronicle of an Empire*, ms. 159.

kuntum bunga bermekar dan seratus aliran pendapat bersuara”<sup>250</sup>, semua ejen propaganda parti dan negara telah menyiaran laporan berita berkenaan dengan isu ini dan artikel komentarnya.

Pada 13 September, Zhao telah menulis satu laporan kepada Deng mencadangkan supaya satu bengkel penyelidikan berkenaan dengan reformasi sistem politik ditubuhkan. Deng telah memberi jawapan yang positif dan bengkel tersebut telah ditubuhkan kemudian.<sup>251</sup> Bagaimanapun, satu mesyuarat persediaan sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Keduabelas Sesi Keenam yang diadakan pada Ogos telah memutuskan bahawa,

Cadangan reformasi sistem politik bertujuan untuk mengekalkan pimpinan PKC, agar tidak mengikari “Empat Prinsip Pengekalan”, dapat melicinkan perkembangan ekonomi negara dan sebagainya.<sup>252</sup>

Jelas sekali idea reformasi sistem politik juga dibingkaikan dengan “Empat Prinsip Pengekalan” yang langsung tidak memberi apa-apa harapan kepada Zhao untuk mengadakan reformasi yang benar-benar berkesan. Terdapat banyak halangan dan batasan yang menyekat bengkel tersebut untuk menjalankan tugasnya. Namun keputusan yang dibuat pada mesyuarat persediaan tersebut juga melalui satu perbahasan yang hebat.

Seterusnya juga dapat dijangka iaitu resolusi Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Keduabelas Sesi Keenam juga tidak menyebut akan menjalankan reformasi dalam bidang tersebut. Malah mesyuarat tersebut meluluskan satu resolusi yang bertajuk “Resolusi

---

<sup>250</sup> Kempen ini dianjurkan oleh Mao Zedong pada 1957. Menurut Mao, tujuan penganjuran kempen tersebut adalah menggalakkan rakyat jelata supaya berani dan bebas menyuarakan pandangan mereka terhadap pimpinan kerajaan PKC terhadap China. Akan tetapi akhirnya kempen ini ditutupi tirai dengan keputusan yang sebaliknya. Berkenaan dengan peristiwa ini, sila rujuk Roderick MacFarquhar, *The Hundred Flowers Campaign and the Chinese Intellectuals* dan Hua Min, *Zhongguo Danizhuan* (Perubahan Gempa di China). Bagaimanapun, tujuan kali ini mengadakan peringatan ulang tahun kempen tersebut adalah memperingati tujuan pelancaran yang dikemukakan oleh Mao.

<sup>251</sup> Chen Yizi, *Shinian Gaige yu Bajiu Minyun* (Sepuluh Tahun Bereformasi dan Kempen Rakyat 1989), ms. 106.

<sup>252</sup> Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai, 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara, 1949-1997), ms. 783.

Panduan Pembentukan Jiwa Akhlak Masyarakat Sosialis” . Dalam resolusi tersebut, telah tersuratnya ayat “anti pengamalan kebebasan kelas bourgeois” yang tidak menyenangkan hati para pemimpin seperti Hu Yaobang. Pemimpin-pemimpin daripada wilayah-wilayah selatan di mana zon ekonomi istimewa berada dalam kawasan mereka telah menyuarakan ketidaksetujuan terhadap ayat tersebut. Namun dikatakan Deng yang berkeras untuk memasukkan ayat tersebut.<sup>253</sup> Nampaknya kebebasan untuk bersuara telah dibataskan dengan ketat. Dalam dokumen-dokumen rasmi ini kita tidak tahu sama ada Deng telah kesal kemudian ataupun mengatur catur semata-mata untuk menguji “kecenderungan liberalisme” dalam minda pemimpin-pemimpin pengganti beliau sahaja. Yang jelas sekali ialah terdapat ramai ahli intelek pada masa itu tidak mempedulikan sekatan ini dan terus bersuara, 1986 merupakan satu tahun yang muncul banyak pendapat kritikan dan saranan terhadap pimpinan kerajaan PKC. Di antara mereka ini, terdapat nama-nama berikut yang tidak boleh diabaikan seperti Yan Jiaqi (Pengarah Institut Pengkajian Sains Politik China), Su Shaozi (Pengarah Institut Pengkajian Fahaman Marxis-Leninis di Akademi Sains Sosial), Li Honglin (Dekan Akademi Sains Sosial Wilayah Fujian) dan Fang Lizhi (Timbalan Presiden Universiti Sains China). Mereka telah mengemukakan pandangan-pandangan yang amat berbeza dengan pengkaji ideologi komunis yang dahulu. Di antaranya terdapat tiga isi utama yang disuarakan oleh mereka adalah seperti berikut:

- 1.) Pemikiran pluralisme akan menyebabkan politik pluralisme wujud dan tidak dapat dielakkan organisasi politik yang selain daripada PKC boleh wujud di China.

---

<sup>253</sup> Deng Xiaoping, “Deng Xiaoping zai Dang de Shierjie Liuzhong Quanhui shang de Jianghua” ( “Ucapan Deng Xiaoping dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Keduabelas Sesi Keenam” ), *Deng Xiaoping Lun Jianchi Sixiang Jiben Yuanze, Fandui Zichan Jieji Zlyouhua* (Perbincangan Deng Xiaoping Berkenaan dengan Empat Prinsip Pengekalan dan Anti Kecenderungan Liberalisme Burjuis) (Beijing: Penerbitan Renmin, 1989), ms. 137.

- 2.) Kuasa PKC sama ada lebih besar daripada kuasa kerajaan China atau tidak perlu diteliti semula.
- 3.) Demokrasi bukanlah satu kurniaan daripada mana-mana pihak kepada rakyat, tetapi adalah hasil daripada tuntutan rakyat kepada pemerintah.<sup>254</sup>

Dapat dilihat bahawa kenyataan-kenyataan ini sedang menguji batasan kerajaan PKC menetapkan dirinya sebagai pemerintah mutlak negara. Suasana kebebasan ini tidak kekal lama. Seperti pada 1956 juga, selepas suara kritikan daripada orang ramai semakin hebat, akhirnya kerajaan PKC terpaksa menggunakan kekerasan untuk membasmikan suara-suara tersebut. Kali ini suasana lebih berbeza kerana terdapat demonstrasi yang diadakan oleh mahasiswa-mahasiswi universiti. Pada 1985 aktiviti demonstrasi anjuran golongan mahasiswa pernah merebak dari satu tempat ke satu tempat, tetapi ia berkesudahan dengan tindakan penenangan yang dilakukan oleh Hu Yaobang. Pada kali ini pula, bermula dari demonstrasi memprotes pilihanraya wakil perhimpunan agung peringkat wilayah, tindakan mahasiswa Universiti Sains dan Teknologi Hefei telah mendapat sambutan daripada mahasiswa seratus lima puluh lebih buah institut pengajian tinggi yang lain.<sup>255</sup>

Liu Shengji yang membuat kajian analisis mengenai kempen demonstrasi tersebut mendapati bahawa isu-isu yang diprotes dalam demonstrasi secara utamanya boleh dibahagikan kepada tiga jenis,

Pertama ialah berkenaan dengan pemberian pengurusan, pengajaran dan yuran bayaran di universiti, kedua ialah memprotes prosedur pilihanraya perhimpunan agung rakyat peringkat tempatan dan ketiga pula ialah reformasi sistem politik.<sup>256</sup>

Nampaknya isu keberkesanan sistem politik komunis yang dibangkitkan oleh aktivis-aktivis “Dinding Demokrasi” pada akhir 1970-an sebenarnya tidak pudar malah masih

<sup>254</sup> Zhang Jiamin, *Jianguo Yilai, 1949-1997* (Sejak Penubuhan Negara, 1949-1997), ms. 787-788.

<sup>255</sup> Chuan Fu, *Shinian Xuechao Jishi* (Rekod Benar Kempen Mahasiswa Sepuluh Tahun), ms. 144-145.

<sup>256</sup> Liu Shengji, ‘Dalu Minzhu Yundong Zaiqi’ ( “Kempen Demokrasi di Tanah Besar China Bangkit Semula” ), *Zhongguo Dalu Yanjiu* (Pengajian Tanah Besar China) jilid 29, no. 7 (1987), ms. 14.

menyemarak dalam pemikiran golongan muda China. Mungkin pada golongan rakyat jelata, pengaruhnya juga ketara. Didapati demonstrasi-demonstrasi mereka ini juga mendapat sokongan daripada orang ramai. Hanya kerana rasa tidak puas hati terhadap inflasi yang melambung tinggi sebagai mangkin, suara mengkritik kerajaan mereka berbangkit semula.

PKC pada mulanya masih menggunakan cara penyelesaian seperti 1985. Demonstrasi-demonstrasi tersebut dianggap mudah dikawal dan tidak dipantau secara serius. Tetapi, apabila demonstrasi sebegini juga berlaku di bandaraya Shanghai pada akhir bulan Disember, media asing telah memberi liputan yang cukup menyeluruh. PKC yang nampaknya tersinggung perasaan telah menjanakan ejen media kawalannya memberi amaran terhadap aktiviti-aktiviti sebegini dengan sepenuhnya. Seterusnya pihak keselamatan dalam negeri di kawasan masing-masing telah mengumukakan peraturan untuk menyekat demonstrasi. Pasukan polis telah diberi kuasa untuk menyuraikan pasukan demonstrasi dengan kekerasan. Aktiviti-aktiviti demonstrasi berjaya dihentikan menjelang 1987.<sup>257</sup>

Bagaimanapun, perkembangan yang seterusnya barulah menggegaran. Pada 30 Disember, Deng Xiaoping telah memanggil Hu Yaobang, Zhao Ziyang, Wan Li, Li Peng serta pemimpin-pemimpin lain untuk perjumpaan. Beliau menegur para pemimpin pelapis ini gagal membasmikan demonstrasi-demonstrasi tersebut. Beliau juga berpendapat bahawa kehangatan demonstrasi-demonstrasi ini berlaku adalah kerana kerajaan tidak bersikap tegas dalam menyekat pengamalan kebebasan kelas bourgeois.<sup>258</sup>

---

<sup>257</sup> Bill Brugger dan Stephen Reglar, *Politics, Economy and Society in Contemporary China* (London: MacMillan Press, 1994), ms. 75.

<sup>258</sup> Deng Xiaoping, "Deng Xiaoping zai Dang de Shierjie Quanhui shang de Jianghua" ("Ucapan Deng Xiaoping dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Keduabelas Sesi Keenam"), *Deng*

Pada 16 Januari 1987, biro politik pusat telah mengadakan satu mesyuarat perluasan, Hu telah dipaksa membuat penyemakan kesilapan sendiri dan bercadang meletakkan jawatan sebagai setiausaha agung parti. Permohonan beliau ini telah diterima oleh mesyuarat tersebut dan Zhao Ziyang telah dipilih merangkap jawatan tersebut. Su Shaozi berpendapat bahawa angkara daripada segelintir pemimpin "konservatif bermati-matian" (*die-hard conservatives*) yang cuba menaikkan angin Deng terhadap tolensi Hu kepada kempen tunjuk perasaan yang dilakukan oleh para mahasiswa juga memainkan peranan yang cukup penting.<sup>259</sup>

#### 4.9. Kesimpulan

Tahun 1980-an merupakan satu zaman masa yang genting dalam usaha reformasi Deng. Kejayaan beliau menjadi pemimpin tertinggi tidak menjamin dasar reformasi pasaran yang dipeloporinya berjalan lancar. Dalam proses pembikinan dasar negara, terdapat beberapa pihak yang akan mengemukakan pendapat mereka. Dalam biro politik, ahli-ahli biro masing-masing mempunyai pendapat yang berbeza ataupun boleh disifatkan sebagai mempunyai kepentingan masing-masing. Mereka secara amnya dapat mewakili pendapat atau kepentingan beberapa institusi birokrat yang diketuai oleh mereka. Contohnya Zhao Ziyang mewakili Jabatan Perdana Menteri, Hu Yaobang mewakili Pejabat Setiausaha Agung Pusat Parti, Deng Liqun mewakili Kementerian Propaganda Parti, Chen Yun mewakili Jawatankuasa Disiplin Pusat Parti dan lain-lain lagi.

---

Xiaoping Lun Jianchi Sixiang Jiben Yuanze, Fandui Zichan Jieji Ziyouthua (Perbincangan Deng Xiaoping Berkaitan dengan Empat Prinsip Pengekalan dan Anti Kecenderungan Liberalisme Burjuis), ms. 135.

<sup>259</sup> Su Shaozi, "A Decade of Crises at the Institute of marxism-Leninism-Mao Zedong Thought, 1979-1989," *The China Quarterly*, no. 134 (Jun, 1993), ms. 346.

Pada tahap ini, didapati reformasi telah menjadi persefahaman di seluruh negara. Namun cara pelaksanaannya telah menimbulkan perselisihan pendapat. Deng sendiri nampaknya lebih bersikap terbuka terhadap keluasan dan kelajuan reformasi. Begitu juga pemimpin pelapis yang disokong oleh beliau. Mereka berkecenderungan menyetujui pandangan yang dikemukakan oleh ahli ekonomi barat. Pada akhir 1984, perluasan reformasi yang mengutamakan reformasi harga barang telah membuktikan mereka ingin beradu nasib dalam mengadunkan mekanisme pasaran ke dalam sistem ekonomi terancang dalam masa singkat. Akibatnya mereka telah menerima padah. Pemimpin-pemimpin yang tidak sependapat dengan pemimpin pelapis tersebut telah mengaitkan kegagalan tersebut dengan kepincangan para pemimpin tersebut daripada fahaman Marxis-Leninis. Pada masa yang sama, rasa tidak puas hati di kalangan rakyat jelata terhadap keburukan-keburukan yang muncul dalam perlaksanaan dasar ini menguatkan suara bantahan pemimpin-pemimpin tersebut.

Satu lagi faktor yang tidak boleh diabaikan ialah pandangan Deng Xiaoping sendiri. Barisan pemimpin pelapis yang dipilih ini sememangnya direstui oleh beliau. Beliau juga memberi banyak peluang kepada mereka untuk mengukuhkan kedudukan masing-masing di dalam dan luar negeri. Malah Deng telah beberapa kali mengumumkan bahawa mereka terutamanya Hu Yaobang bakal menggantikan kedudukannya. Namun apabila mereka ini melaksanakan idea-idea beliau, juga terdapat perbezaan pendapat. Didapati kerisauan Deng terhadap hak pemerintahan mutlak PKC terhadap China dan disiplin parti akan tergugat seperti sesetengah pemimpin veteran yang lain. “Empat Prinsip Pengekalan” merupakan satu hasil daripada kerisauan beliau tersebut. Deng telah menjelaskan kerisauan ini sebagai sebahagian daripada “sistem

sosialis yang berkaraktor China” . Hu Yaobang tidak dapat menghayati makna sebenarnya semasa menguruskan peristiwa demonstrasi mahasiswa tempatan. Maka Deng telah berpendapat beliau tidak peka bahawa inilah satu petanda yang mungkin akan menjelaskan imej PKC sebagai parti pemerintahan yang mutlak di China. Hu terpaksa meletakkan jawatannya.

Kerisauan Deng ini kemungkinan besar disebabkan oleh pengalaman hidup beliau sejak lahir hingga dewasa, melihat kejatuhan rejim pemerintah di China begitu banyak sekali. Tidak kira dinasti Qing yang memerintah beratusan tahun lamanya, ataupun kerajaan KMT yang disokong kuat oleh Amerika Syarikat. Malah dalam revolusi kebudayaan kerajaan PKC yang sah diiktiraf oleh perlumbagaan negara juga tidak dapat melepaskan diri daripada nasib kehilangan kuasa pemerintahan. Pengalaman ini amat menyayatkan hati. Namun beliau masih sedar supaya tidak menganiaya pemimpin-pemimpin yang diturunkan tersebut. Pada mulanya Hua Guofeng, kemudiannya Hu Yaobang, walaupun dipersalahkan tetapi mereka tidak dituduh dengan kesalahan yang lebih berat seperti mengkhianat atau merampas kuasa.

Pada peringkat ini dasar reformasi pasaran masih mempunyai banyak kelemahan dan kesilapan, tetapi Deng telah memastikannya tidak dibatalkan, kedudukan beliau masih dikekalkan, hanya pemimpin yang melaksanakan dasar ditukar.